

Kepemimpinan musyawarah tonggak kejayaan era Abdullah

BH- 8/11/2007

SEPANJANG tempohnya sebagai Perdana Menteri, Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi ingin memberi yang terbaik untuk kemajuan dan kesejahteraan rakyat. Malah sesiapa pun yang diberi mandat menerajui kepemimpinan negara pastinya tidak akan menggagalkan misi itu kerana adalah menjadi impian setiap pemimpin untuk memberi yang terbaik. Ketika Abdullah mengambil alih kepemimpinan, negara sudah pun mempunyai prasarana yang cukup dalam semua bidang. Apa yang diperlukan adalah tenaga manusia untuk menggerakkan jentera pembangunan. Lalu beliau melancarkan gagasan untuk membina modal insan yang berwibawa, kreatif dan inovatif bagi meneruskan dasar pembangunan yang dimulakan oleh pemimpin sebelumnya. Beliau turut memperkenalkan pelbagai dasar baru untuk memastikan kesinambungan kemajuan negara, sekali gus mencapai matlamat Wawasan 2020. Namun, tempoh tiga tahun bukanlah cukup untuk menilai kesan kepemimpinan, apalagi membandingkan beliau dengan Perdana Menteri sebelum ini yang sudah memimpin selama 22 tahun.

Kita bersetuju dengan rumusan satu seminar kebangsaan di Kuala Lumpur kelmarin bahawa dasar yang diperkenalkan Abdullah memang baik tetapi kesannya tidak begitu ketara kerana sistem penyampaian yang masih lemah. Begitupun, kita percaya sesuatu yang baru memerlukan masa untuk mengetahui kesannya dan kerana itu, kita yakin usaha memperbaiki sistem penyampaian yang turut menjadi agenda utama Perdana Menteri, akan memberi manfaat sepenuhnya kepada pelaksanaan dasar-dasar itu.

Bagi membantu Perdana Menteri meneruskan dan merealisasikan agenda pembangunan negara, bukan saja sistem penyampaian harus ditingkatkan mutunya, malah sokongan semua pihak sama ada kakitangan awam, swasta atau rakyat sendiri, amat diperlukan. Apa gunanya pemimpin mengumumkan projek tetapi pada peringkat pelaksanaan, ia tertangguh atau tidak berjalan sepenuhnya. Begitu juga, jika pada peringkat pelaksanaan lancar tetapi rakyat tidak mengambil kesempatan sepenuhnya daripada dasar itu, keberkesannya tidak mungkin ketara.

Sudah tiga tahun Abdullah menjadi Perdana Menteri dan kita sepatutnya boleh menerima gaya kepemimpinan serta sikap beliau yang berbeza. Abdullah begitu mementingkan konsep kerjasama, rundingan dan kerja berpasukan. Apakah kita sudah lupa ketika baru mengambil alih kepemimpinan pada 2003 lalu, beliau mengajak rakyat supaya 'bekerja dengan saya, bukan untuk saya'. Konsep berkenaan dipegangnya hingga sekarang. Dalam banyak perkara, beliau sentiasa menggunakan prinsip permuafakatan serta perundingan, tidak kira dalam situasi apa sekalipun sama ada dalam kerajaan mahupun di kalangan anggota komponen Barisan Nasional. Hasil kepemimpinan beliau mungkin sukar diukur sepenuhnya dalam tempoh yang singkat termasuk oleh peserta seminar, namun kita masih boleh mengukur prestasi ekonomi kita dan iklim politik di negara ini yang kini lebih mantap. Aliran ke-masukan pelabur asing juga semakin baik dan kadar pengangguran dapat dikurangkan. Tidak kira apa pendekatan beliau, semua pihak harus memberi beliau peluang meneruskan agenda pembangunan negara. Sememangnya sebagai pemimpin, Abdullah tidak akan sunyi daripada kritikan tetapi kita yakin beliau mampu membawa negara ini ke era yang lebih cemerlang.